

Mahathir, Putin bincang untuk perkukuh hubungan dua hala
AstroAwani
05 September 2019

VLADIVOSTOK (Rusia): Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Rusia Vladimir Putin mengadakan mesyuarat dua hala di luar acara Sidang Kemuncak Ekonomi Timur (EEF) bagi membincangkan usaha memperkukuh hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Dalam perbincangan selama 30 minit di bandar pelabuhan menghadap Golden Horn Bay dekat sempadan China dan Korea Utara itu, kedua-dua pemimpin turut membincangkan isu perdagangan dan inovasi.

Mahathir dan Putin sebelum ini bertemu di luar sidang kemuncak Asia Timur di Singapura tahun lepas.

EEF yang ditubuhkan oleh dekri Putin pada 2015 untuk menyokong pembangunan ekonomi Timur Jauh Rusia, berlangsung antara 4 dan 6 Sept, 2019 di kampus Far Eastern Federal University (FEFU).

Penganjur program, Roscongress Foundation, memetik Putin sebagai berkata bahawa pembangunan Timur Jauh Rusia, termasuk memperkukuh ekonomi dan potensinya dalam inovasi, selain meningkatkan taraf hidup penduduknya, merupakan keutamaan negara yang tidak dapat dipertikaikan.

"Perkongsian antara kalangan perniagaan Rusia dan Rantau Asia Pasifik semakin kukuh," katanya dalam ucapan alua-aluan kepada semua peserta EEF.

Malaysia dan Rusia menikmati lebih 50 tahun hubungan diplomatik yang mesra.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahathir-putin-bincang-untuk-perkukuh-hubungan-dua-hala-216760>